

**Pembangkok tubuh kerajaan Kedah  
Malaysiakini.com  
Mar 08, 2008**

PAS mengasak rapat BN di Kedah, sekarang telah merampas 22 kerusi daripada 36 Dewan Undangan Negeri (DUN).

Daripada jumlah itu, PAS menguasai 17 kerusi, PKR empat kerusi manakala DAP dan Bebas masing-masing satu kerusi.

Barisan Nasional (BN) pula hanya mampu mempertahankan 13 kerusi DUN.

PAS juga memenangi enam kawasan parlimen dan PKR memenangi lima manakala BN menang kerusi parlimen.

PAS menang DUN Ayer Hitam, Bukit Lada, Bukit Pinang, Alor Mengkudu, Anak Bukit, Kubang Rotan, Pengkalan Kundur, Tokai, Sungai Limau, Jeneri, Tanjung Dawai, Pantai Merdeka, Bayu, Kupang, Kuala Ketil, Merbau Pulas dan Bandar Baharu.

PKR pula menang Dun Bakar Arang, Sidam, Lunas dan Kulim. DAP menang DUN Darul Aman manakala calon bebas menang di Bukit Selambau.

BN pula menang di Ayer Hangat, Kuah, Kota Siputeh, Bukit Kayu Hitam, Jitra, Kuala Nerang, Pedu, Derga, Bakar Bata, Sungai Tiang, Guar Chempedak, Gurun dan Belantek

Kerusi parlimen yang dimenangi PAS ialah Padang Terap, Pokok Sena, Pendang, Jerai, Sik dan Baling.

PKR pula menang kerusi parlimen, Kuala Kedah, Merbok, Sungai Petani, Padang Serai dan Kulim/Bandar baru

BN pula menang parlimen Langkawi, Jerlun, Kubang Pasu dan Alor Star.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79467>